

08/08/1997

Tiga tokoh negara dapat anugerah

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Tiga tokoh Malaysia adalah antara 11 pemenang yang menerima Anugerah Pencapaian Asean Kelima anjuran Asean Business Forum, di sini malam ini.

Mereka ialah Presiden dan Ketua Eksekutif Mimos Berhad, Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia, Datuk Dr Ahmad Zaharuddin Idrus (Sains).

Anak Perdana Menteri yang juga Presiden Majlis Aids Malaysia, Datuk Paduka Marina Mahathir, menerima hadiah bagi bidang khidmat masyarakat.

Penerima lain ialah Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Indonesia, Aburizal Bakrie; Pengarah Institut Peringatan Permaisuri Saowapa, Thailand, Prof Dr Visith Sitprija; Presiden Institut Pendidikan Tinggi Singapura, Dr Cham Tao Soon.

Pelukis dan artis Filipina, Benedicto Cabrera; atlit Thailand, Somluck Kamsing; Setiausaha Jabatan Tenaga Filipina, Dr Francisco L Viray; Pengerusi Yayasan Biodiversiti Indonesia, Prof Dr Emil Salim dan Timbalan Pengarah Universiti Nasional Singapura, Dr Tan Tin Wee.

(END)